

20 AUG 1998

PKPKM MINTA KERAJAAN KURANGKAN CUKAI BARANGAN KEPERLUAN

JOHOR BAHARU, 20 Ogos (Bernama) -- Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) meminta kerajaan mengurangkan cukai bagi barangan keperluan harian.

Pengerusinya, Datuk Ahmad Arshad berkata jika cukai tidak diturunkan masyarakat luar bandar terutamanya pekebun kecil akan menghadapi masalah dalam perbelanjaan seharian.

Pada masa ini, masyarakat luar bandar telah banyak berkorban dan menyokong langkah kerajaan memulihkan ekonomi negara, kata beliau.

Ahmad juga mengalu-alukan pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan tidak akan menaikkan cukai dalam belanjawan untuk tahun depan.

PKPKM turut menyokong langkah menggunakan dana Tabung Haji untuk membeli saham beberapa syarikat besar agar tidak terlepas ke tangan asing.

-- BERNAMA

IS PR